

Grafik dan pantun di bawah menerangkan kebaikan penganjuran sukan peringkat antarabangsa. Huraikan pendapat anda tentang kebaikan penganjuran sukan peringkat antarabangsa. Panjang huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Kebaikan Penganjuran Sukan Peringkat Antarabangsa



Atlet negara makin cemerlang di arena antarabangsa



Kita dididik berfikiran rasional,
Sukan mewujudkan integrasi nasional.

Terbang tinggi si burung helang,
Kualiti sukan bertambah cemerlang.

Aktiviti MuLus: Isi tempat kosong dengan perkataan yang disediakan.

menggembleng
membanggakan

tuan
kelengkapan

lumayan
kedatangan

instrumen
berlangsung

prasarana
kekitaan

[**Pendahuluan**] Negara kita bertuah kerana terpilih menjadi (1) _____ rumah bagi acara sukan peringkat antarabangsa. Sebagai contohnya, Malaysia telah menganjurkan Sukan Komanwel yang (2) _____ dari 11 hingga 21 September pada tahun tahun 1998. Ribuan pelancong telah mengunjungi Malaysia ketika itu.

[**Idea 1**] Menerusi penganjuran sukan bertaraf dunia, pendapatan negara akan meningkat. Pertandingan sukan antarabangsa akan membawa peminat sukan dari seluruh dunia berkunjung ke Malaysia. Secara tidak langsung, (3) _____ mereka memajukan industri pelancongan dan perhotelan negara, seterusnya memberikan pulangan yang (4) _____ dalam bentuk mata wang.

[**Idea 2**] Penganjuran sukan peringkat antarabangsa merupakan (5) _____ perpaduan yang berkesan untuk mencapai integrasi nasional. Rakyat Malaysia berbilang bangsa, agama dan budaya bersatu hati untuk negara. Malah, semangat (6) _____ dalam pasukan dapat dilahirkan untuk meraih kejayaan kerana **bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat**.

[**Idea 3**] Menerusi penganjuran tersebut, kualiti sukan negara bertambah cemerlang. Kita dapat meniru teknik-teknik latihan yang digunakan dan (7) _____ sukan oleh sesebuah negara. Misalnya sukan badminton dan bola sepak, kita boleh mempelajari teknik pengurusan dan melihat kelengkapan (8) _____ sukan.

[**Penutup**] Sebagai kesimpulannya, penganjuran sukan peringkat antarabangsa akan membawa negara kita ke era kecemerlangan yang lebih (9) _____. Oleh itu, kita perlu bersama-sama berganding bahu dan (10) _____ tenaga ibarat ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni untuk menjayakan pertandingan sukan yang dianjurkan.